



CENDERAHATI.... Rozman (empat kanan) menerima cenderahati daripada Prof Dr Ismail sambil diperhatikan Dr Geoffrey (kiri), Zamri (tiga kanan), Hamizar dan Fadzil.



MESRA.... Rozman (empat kanan), Ismail (empat kiri) dan Zamri (tiga kanan) bersama pemimpin pelajar UMSKAL.

Graduan lepasan UMSKAL disaran rebut peluang pekerjaan

NST 17.1.2018 6

LABUAN: Para graduan Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) yang telah berjaya menamatkan pengajian disaran merebut peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan yang bakal terbuka luas di pulau ini.

Ahli Parlimen Labuan, Datuk Rozman Datuk Isli berkata, pada tahun ini, ekonomi Labuan dijangka berkembang positif bakal memberikan lebih banyak peluang pekerjaan dan perniagaan termasuk kepada graduan lepasan UMS Labuan.

“Graduan UMSKAL perlu merebut peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan yang ditawarkan di pelbagai sektor kerajaan dan swasta di Wilayah Persekutuan Labuan. Ini sekaligus akan membantu membangunkan Wilayah Persekutuan Labuan pada masa akan datang,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Program Sesi Ramah Mesra Ahli Parlimen Labuan Bersama Badan Kepimpinan Pelajar di Hotel Tiara dekat sini, pada Isnin.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor (HEPA), UMS, Prof. Dr. Ismail Ali, Timbalan Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal, Timbalan Pendaftar Kanan UMSKAL, Zamri Haji Mohaammad Tuah, Ketua Jabatan HEPA UMS, Ahmadi Nordin dan Ketua SHEP UMSKAL, Nur Iman Reedzal.

Turut hadir, Pengarah Jabatan Pengurusan Sumber Manusia, Perbadanan Labuan, Norsiah Udin, Timbalan Pengarah Kolej Matrikulasi Labuan, Hamizar Tahir dan Naib Presiden Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Mohd Fadzil Mohd Arfah.

Rozman yang juga Pengerusi Perbadanan Labuan, berkata kehadiran pelajar UMSKAL bukan sahaja membantu menambah jumlah penduduk Labuan tetapi juga membantu menjana ekonomi tempatan dan merancakkan industri pelancongan Wilayah Persekutuan Labuan.

“Kehadiran pelajar UMSKAL memberi impak yang sangat besar kepada ekonomi, pertumbuhan penduduk dan industri pelancongan tempatan,” katanya.

Beliau juga melahirkan rasa bangga kerana Labuan mempunyai sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) sekaligus menarik minat generasi muda untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Seramai 34 pelajar yang terdiri daripada pemimpin Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa dan pelajar dari Labuan menghadiri perjumpaan tersebut.

Sementara itu, Prof Dr Ismail mengingatkan pelajar UMSKAL agar sentiasa menjaga nama baik UMS, ibu bapa dan diri sendiri ketika menyertai apa jua program khususnya yang membabitkan masyarakat setempat.

Beliau yang mewakili Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin menasihatkan pelajar supaya menumpukan perhatian kepada pelajaran dan mengelak daripada terjebak dengan kegiatan yang boleh menjejaskan masa depan mereka.

“Pelajar mesti tumpukan kepada tugas utama mereka iaitu belajar bersungguh-sungguh agar menjadi menjadi insan yang berkualiti dan mampu menyumbang tenaga kepada agama, bangsa dan negara suatu hari nanti,”katanya.

Ismail menambah pada ketika ini, UMSKAL mempunyai 2,162 pelajar termasuk 71 pelajar yang berasal dari Labuan selain menerima 652 pelajar baharu dari seluruh negara. -OLEH JAIN-UDIN DJIMIN